## Senarai bank yang menawarkan perkhidmatan IBG

Affin Bank Berhad
Affin Islamic Bank Berhad
Agro Bank Berhad
Alliance Bank Malaysia Berhad
Alliance Islamic Bank Berhad
Al Rajhi Banking & Investment Corporation (Malaysia) Berhad
AmBank Malaysia Berhad
AmIslamic Bank Berhad
Bank of China (Malaysia) Berhad
Bank Islam Malaysia Berhad
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad
Bank Muamalat Malaysia Berhad
Bank of America Malaysia Berhad
Bank Simpanan Nasional
Bank of Tokyo-Mitsubishi UFJ (Malaysia) Berhad
BNP Paribas Malaysia Berhad
CIMB Bank Berhad
CIMB Islamic Bank Berhad
Citibank Berhad
Deutsche Bank (Malaysia) Berhad
Hong Leong Bank Berhad
Hong Leong Islamic Bank Berhad
HSBC Bank Malaysia Berhad
HSBC Amanah Malaysia Berhad
Industrial and Commercial Bank of China (Malaysia) Berhad
J.P. Morgan Chase Bank Berhad
Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad
Malayan Banking Berhad
Maybank Islamic Berhad
Mizuho Bank (Malaysia) Berhad
OCBC Bank (Malaysia) Berhad
OCBC Al-Amin Bank Berhad
Public Bank Berhad
Public Islamic Bank Berhad
RHB Bank Berhad
RHB Islamic Bank Berhad
The Royal Bank of Scotland Berhad
Standard Chartered Bank Malaysia Berhad
Standard Chartered Saadiq Berhad
Sumitomo Mitsui Banking Corporation Malaysia Berhad
United Overseas Bank (Malaysia) Berhad

### Tip keselamatan bagi transaksi IBG

1. Sentiasa masukkan URL laman sesawang bank anda terus di pelayar web.
2. Jangan akses portal perbankan Internet melalui pautan di e-mel.
3. Jangan sekali-kali mendedahkan nama pengguna dan kata laluan anda serta lindungi peranti keselamatan anda setiap masa.
4. Hubungi bank anda dengan segera jika anda menerima notis pemberitahuan bagi transaksi yang anda tidak lakukan.
5. Sentiasa semak penyata bank dalam talian anda bagi memantau transaksi.

### Tips untuk mengesan IBG transaksi

1. Sentiasa nyatakan tujuan pembayaran dalam ruang “rujukan penerima” contohnya “Yuran tuisyen untuk bulan Sept 2013” bagi membolehkan penerima mengenal pasti tujuan pembayaran (nama pembayar dan tujuan pembayaran akan disediakan oleh kebanyakan bank kepada penerima).
2. Maklumkan kepada penerima melalui SMS, e-mel atau sebarang cara yang telah dipersetujui terlebih dahulu.
3. Semak penyata perbankan dalam talian anda.


PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA
www.abm.org.my

Association of Islamic Banking Institutions Malaysia (AIBIM)
www.aibim.com

*Disokong oleh:*

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA
www.bnm.gov.my


# GIRO Antara Bank (IBG)

## melalui perbankan Internet dan mudah alih




Pindahan Dana IBG ✓

Pembayaran Balik Pinjaman/ Kad Kredit ✓

**Kadar maksimum hanya 10 sen**

Tidak termasuk GST6%

Cepat, Ringkas dan Mudah



# GIRO ANTARA BANK (IBG)

- Sistem pembayaran elektronik yang membolehkan individu atau perniagaan memindahkan dana dan membuat pelbagai pembayaran dengan selamat daripada satu bank kepada bank yang lain.
- Perkhidmatan yang sedia ada di portal perbankan Internet, perbankan mudah alih bank dan ATM.

## Waktu Dana Dikreditkan

Hari Bekerja (Isnin - Jumaat)

| Waktu Pembayaran Dilakukan | Dana Diterima |
|---|---|
| Sebelum 5.00 pagi | Selewat-lewatnya 11.00 pagi |
| 5.01 pagi hingga 8.00 pagi | Selewat-lewatnya 2.00 petang |
| 8.01 pagi hingga 11.00 pagi | Selewat-lewatnya 5.00 petang |
| 11.01 pagi hingga 2.00 petang | Selewat-lewatnya 8.20 malam |
| 2.01 petang hingga 5.00 petang | Selewat-lewatnya 11.00 malam |
| Selepas 5.00 petang | Selewat-lewatnya 11.00 pagi (Hari bekerja berikutnya) |
| Bukan Hari Bekerja (Sabtu, Ahad dan Cuti Umum Wilayah Persekutuan) | Selewat-lewatnya 11.00 pagi (Hari bekerja berikutnya) |

* Sila hubungi bank anda jika ada sebarang pertanyaan.

# IBG UNTUK INDIVIDU DAN SYARIKAT PEMILIKAN TUNGGAL

- Pemindahan dana kepada pihak lain yang mempunyai akaun di bank lain.
- Membayar bil kad kredit dan membayar balik pinjaman di bank lain.
- Menerima bayaran dengan lebih cepat
- Pemindahan sehingga RM50,000 untuk perbankan peribadi setiap hari. (sila semak dengan bank anda untuk mendapatkan had yang tepat kerana jumlahnya berbeza-beza dari satu bank ke bank yang lain)

# IBG UNTUK PENIAGA

- Membayar pembekal, rakan perniagaan dan gaji kakitangan

  ** *Fi tambahan mungkin dikenakan oleh bank untuk perniagaan yang melanggan perkhidmatan transaksi pukal secara automatik (automated bulk transaction) atau perkhidmatan lain*
- Menerima bayaran dengan lebih cepat

## Ciri keselamatan untuk akaun korporat

- Token keselamatan – sejenis alat yang menjana kod laluan yang unik untuk log masuk dan pengesahan transaksi.
- Sijil digital - sesetengah bank menghendaki sijil digital untuk mengesahkan kesahihan pengguna.

## Pelbagai pakej perbankan dalam talian

- Pilih pakej perbankan dalam talian yang terbaik untuk memenuhi keperluan perniagaan anda.

  ** *Kenal pasti jenis pembayaran yang dapat dibuat menggunakan IBG*

  ** *Fi bulanan yang dikenakan untuk mengakses perkhidmatan perbankan dalam talian dan perkhidmatan nilai ditambah seperti pembayaran secara automatik mungkin berbeza antara satu bank dengan bank yang lain.*

# CIRI-CIRI LAIN

## Transaksi yang Selamat

- IBG mempunyai semua ciri keselamatan perbankan Internet termasuk Kod Pengesahan Transaksi (Transaction Authorisation Codes, TAC) atau token keselamatan selain log masuk nama pengguna dan kata laluan.
- Anda boleh memasukkan nombor MyKad penerima atau pendaftaran perniagaan (selain nombor akaun bank) sebagai pengesahan tambahan untuk mengesahkan kesahihan penerima (ciri yang terdapat pada perbankan dalam talian).
- Pemberitahuan transaksi melalui SMS dan e-mel. Future-dated Transfer

## Pemindahan pada tarikh hadapan

- Jadualkan transaksi IBG anda supaya transaksi anda diproses secara automatik pada tarikh hadapan

## Pemindahan Dividen Secara Elektronik

- Bayaran dividen juga boleh diterima secara elektronik (Hubungi broker saham anda atau lawati laman sesawang Bursa Malaysia untuk maklumat lanjut)

Individu dan perniagaan boleh merujuk kepada jadual fi bagi pelbagai perkhidmatan e-pembayaran di laman sesawang Bank Negara Malaysia (www.bnm.gov.my), Persatuan Bank Bank dalam Malaysia (ABM) dan Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia (AIBIM).



Cepat, Ringkas dan Mudah